

18/08/2002

Tindakan pemimpin Pas halang tugas imam biadab

KUALA TERENGGANU: Tindakan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu, Datuk Hussain Awang menghalang Mohamad Nor Abu Bakar daripada mengimamkan solat Jumaat di Masjid Kampung Losong Haji Mohd Shafie, di sini kelmarin, dianggap sebagai satu tindakan biadab dan kurang cerdik.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Idris Jusoh berkata pemimpin Pas itu tidak sepatutnya mengganggu Mohamad Noor menjalankan tugas itu, lagi pula ketika itu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi tetamu dan menunaikan solat Jumaat di masjid itu.

Beliau berkata, ini jelas menggambarkan pemimpin Pas itu tidak langsung menghormati Dr Mahathir sebagai pemimpin negara yang dihormati negara Islam.

"Apa sebabnya pemimpin Pas itu membaca khutbah dan mengimamkan solat pada Jumaat lain, jika tidak berniat untuk mengganggu," katanya.

Dalam kejadian kelmarin Mohamad Nor hanya bertindak sebagai khatib membaca khutbah di masjid itu tetapi tidak sempat untuk mengimamkan solat Jumaat kerana tugasnya diambil Hussain.

Hussain terus mengambil tempat imam sebaik saja Mohamad selesai membaca khutbah di masjid itu. Mohamad Noor terpaksa memberi laluan kepada Hussain, bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku.

"Pas sentiasa menyusahkan rakyat. Apa salahnya jika Hussain membiar atau menyerahkan kepada Mohamad Nor mengimamkan solat Jumaat itu," katanya kepada pemberita selepas menutup Konvensyen Barisan Nasional (BN) Negeri Terengganu, di hotel Grand Continental, di sini, semalam.

Dr Mahathir ketika diminta mengulas mengenai kejadian itu, kelmarin, kesal kerana ada cubaan Pas untuk menjadi imam dan khatib walaupun mengetahui ada imam lain bertugas.

Katanya, perkara seperti itu tidak sepatutnya berlaku kerana sudah ada imam dan khatib yang ditugaskan mengimamkan solat Jumaat dan membaca khutbah.

Hussain ketika dihubungi berkata, beliau ditugaskan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) untuk menjadi imam dan membaca khutbah di masjid itu.